

Bil. S 25

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2003.

Pindaan bab 131 dari Penggal 39.

2. Bab 131 dari Akta Syarikat adalah dipinda dengan menambah 2 ceraiian baru yang berikut —

"(8) Peruntukan-peruntukan bab ini berhubung dengan lantikan juruaudit tidak dikenakan kepada mana-mana syarikat yang berkenaan dengannya Kerajaan mempunyai kuasa untuk memastikan, dengan cara pemegangan syer atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan dengan syarikat itu, atau menurut sebarang kuasa yang diberikan oleh tataurusan syarikat itu, supaya urusan syarikat itu dijalankan menurut arahnya.

(9) Akaun-akaun mana-mana syarikat yang disebut dalam ceraiian (8) hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh bab ini untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh syarikat itu:

Dengan syarat bahawa jika akaun-akaun syarikat tersebut telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun-akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM